

Melayu tidak perlu gentar hadapi cabaran baru

UM 23 JUN 2002

KUALA LUMPUR 22 Jun — Masyarakat Melayu tidak perlu gentar berhadapan dengan cabaran-cabaran baru yang diperkenalkan kerana ia merupakan suatu bentuk latihan menghadapi globalisasi.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, proses pembetulan jati diri bangsa sedang dilakukan dan percaya akhirnya mereka dapat keluar daripada 'tempurung lama' yang melemahkan.

"Hak istimewa adalah satu cara jadikan Melayu berpeluang berdaya saing tetapi jika ia menjadikan kita lebih lemah, pembetulan perlu dilakukan seperti yang sedang dipelopori oleh Presiden parti (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad)," ujar beliau.

Ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini, Muhammad berkata, banyak negara yang maju diteraskan oleh bangsa yang antara lain berjiwa besar, bersikap kreatif, bermotivasi tinggi dan punyai jati diri yang kuat.

Ketamadunan

Menurut beliau, Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju adalah suatu yang amat penting dalam membina ketamadunan bangsa dan percaya ia boleh dilakukan berasaskan tempoh pembinaan tamadun Islam.

"Ia boleh dicapai dengan syarat

halangan mental dan sikap dapat diatasi manakala usaha bersifat *rediscovery*, menguatkan minda dan mengukuhkan jati diri Melayu perlu disusun dan ditingkatkan," ujar beliau.

Dalam hubungan ini, Muhammad berkata, Melayu bukan sesuatu kaum yang terencil kerana ia bertaburan di seluruh dunia.

Dengan pencapaian Melayu Malaysia yang menjadi model contoh, beliau menyarankan agar usaha bersungguh-sungguh dilakukan bagi membentuk jaringan dengan Melayu di seluruh dunia dalam aspek bangsa, selain perniagaan, kebudayaan, persahabatan dan agama.